

Headline **Kerjasama DBP - PSU memartabatkan Bahasa Melayu**  
 Date **18. Jun 2008** Language **MALAY**  
 Media Title **Berita Harian** Page No **12**  
 Section **SUP** Article Size **298** cm2  
 Circulation **217920** Frequency **Daily**  
 Readership **2083000** Color **Full Color**



BH PILIH L12 18 emel

## BAHASA MELAYU DI PERSADA DUNIA

# Kerjasama DBP – PSU Memartabatkan Bahasa Melayu

Oleh Wan Mohd Saophy Amizul Wan Mansur

**D**ewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Universiti Prince of Songkhla (PSU), Kampus Pattani, Thailand menandatangani Memorandum Persefahaman DBP – PSU, antara lain bertujuan untuk memartabatkan bahasa Melayu atas kesepakatan bersama dan mengeratkan lagi hubungan kedua-dua buah institusi itu.

Susulan daripada itu, pada 4 hingga 18 Mei yang lalu DBP menerima kunjungan seramai 26 orang pelajar daripada Jurusan Bahasa Melayu, PSU berserta pensyarah pengiringnya, Puan Djumalina Eastren sempena Program Cuti Semester DBP – PSU 2008.

Program tahunan yang bermula sejak dari tahun 2002 lagi

bertujuan untuk meningkatkan penguasaan bahasa Melayu para peserta dengan memberikan pendedahan secara langsung tentang budaya dan kehidupan masyarakat Melayu di Malaysia.

Sempena program tersebut pelbagai aktiviti telah disusun meliputi aspek kebahasaan, ke-susasteraan dan kebudayaan Melayu. Sepanjang program tersebut berlangsung semua pelajar diwajibkan mengikuti kuliah bahasa dan sastra serta diberi pendedahan tentang kebudayaan Melayu. Malah pelajar PSU juga berpeluang belajar tarian Zapin dan Endang, yang sangat cantik langkah dan gerak tarinya.

Kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Institut Perguruan Bahasa Melayu Malaysia (IPBMM) juga banyak membantu para peserta dalam memberikan pendedahan dalam

memahami bahasa, sastra serta budaya masyarakat Melayu khususnya di Malaysia melalui program dua hari bersama institusi tersebut.

Usai program pemantapan bahasa di Menara DBP pelajar dibawa mengenali rakyat dan negara Malaysia dengan lebih dekat lagi iaitu ke Melaka Bandar Raya Bersejarah dan Putrajaya. Di

Melaka, pelajar melihat sendiri kesan-kesan peninggalan sejarah yang terdapat di sana. Kunjungan ke Taman Mini Malaysia memberi pengalaman yang berbeza dengan menyaksikan pelbagai jenis tarian dan budaya masyarakat berbilang kaum di seluruh Malaysia.

Di akhir program pelajar mempersembahkan ilmu yang

dipelajari kepada tetamu yang hadir pada majlis penutupan. Persembahan deklamasi sajak, bernasyid, menari dan sebagainya menarik perhatian para penonton yang hadir. Nyatalah, persamaan budaya mengeratkan lagi sepakat demi memartabatkan bahasa Melayu di kalangan bangsa serumpun di dua negara sahabat.



**PENGHARGAAN:** Ketua Bahagian Pengembangan Bahasa dan Antarabangsa Puan Hajah Zaiton Ajamain menyampaikannya cenderamata kepada pelajar PSU.



**KENANGAN:** Pelajar PSU bergambar bersama pegawai dan pelaksanaan program DBP - PSU di majlis penutupan.